



# PENGENALAN SDS - *SAFETY DATA SHEET*

DISEDIAKAN OLEH: HASLINDA ABDUL HAMID, MARINA MOKHTAR

Pada 3 Disember 2020, satu ceramah yang bertajuk ‘Pengenalan kepada *Safety Data Sheet* (SDS) telah diberikan oleh salah seorang pensyarah kanan JSG iaitu ChM Marina Mokhtar. Program ini dilihat sebagai suatu program yang penting kerana kesedaran tentang pengetahuan untuk membaca dan memahami butiran yang terkandung di dalam SDS adalah mesti diketahui oleh semua pengendali dan pengguna bahan kimia berbahaya di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Pengetahuan asas ini adalah satu keperluan sebagai langkah menghindari malapetaka dan tindakan kecemasan yang berkemungkinan akan berlaku sewaktu kerja-kerja pengendalian bahan kimia dilakukan. Ceramah ini merupakan salah satu daripada siri ceramah dalam ‘Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan’, yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN), Unit Kualiti, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang untuk staf dan pensyarah kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam.

Keselamatan dalam pelbagai sektor bukan hanya tertumpu pada individu semata-mata, malah melibatkan penggunaan mesin-mesin, perkakasan dan juga individu lain yang berada di sekeliling kita. Isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan perkara yang terpenting untuk dilihat terutama apabila melibatkan kerja-kerja berisiko tinggi seperti dalam sektor pembuatan, pembinaan, pertanian, perkilangan, perhutanan dan sektor lain yang melibatkan penggunaan bahan kimia. Isu ini juga adalah tidak terkecuali di makmal-makmal institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di Malaysia. Di antara ceramah bersiri tersebut adalah “*Hazard Identification Risk Assessment Risk Control*”, pendedahan bunyi dan ergonomik norma baharu. Program ini berupaya memberi nasihat kepada staf yang terlibat supaya sentiasa menjaga keselamatan pada tahap tertinggi bagi mengelakkan bahaya-bahaya yang mendatang dan mengurus keselamatan semasa sedang bekerja dengan cara yang praktikal dan betul.



Kesimpulannya, program ini telah mencapai beberapa objektif seperti mengenalpasti risiko-risiko yang ada di tempat kerja dan memberi pendedahan terhadap langkah yang boleh diambil untuk mengawal risiko tersebut, memastikan kesesuaian di dalam kawalan keselamatan dan kesihatan pekerja dan mempertingkatkan tahap kesedaran dan komitmen untuk bekerja di dalam suasana yang bebas bahaya.